

UPM menang anugerah IDB

SERDANG 15 April –
Universiti Putra Malaysia
(UPM) memenangi
Anugerah Sains dan
Teknologi Bank
Pembangunan Islam (IDB)
bernilai AS\$100,000.

Pemilihan itu dibuat oleh
Jawatankuasa Pemilihan IDB
di bawah kategori institusi
yang telah melakukan
sumbangan cemerlang dalam
bidang saintifik dan teknologi
kepada negara anggota.

Majlis penyampaian
anugerah akan diadakan
pada Mesyuarat Lembaga
Gabenor IDB ke-34 di
Ashgabat, Turkmenistan dari
2 hingga 3 Jun depan.

Presiden IDB, Dr. Ahmad
Mohamed Ali mengucapkan
tahniah kepada UPM dan
berharap agar anugerah itu
akan menggalakkan lagi
UPM terus mencapai
kecemerlangan. - BERNAMA

u.m 16/4/09.